

Pendekatan harmoni tapi tegas tangani isu penggunaan kalimah

• Perlembagaan benarkan negeri gubal undang-undang kawal penyebaran agama selain Islam kepada Muslim, termasuk halang guna perkataan tertentu

Pertemuan bersama pemegang taruh termasuk ahli agama bagi membincangkan penyelesaian tepat dapat elak isu kalimah terus dipolemik, dipolitikkan



Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Oleh Prof Madya Dr Mohamed Azam Mohamed Adil
bhnews@bh.com.my

Isu mengenai penggunaan kalimah Allah sekali lagi menjadi perbincangan hebat apabila kerajaan menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 17 Mac 2021 yang memutuskan Kementerian Dalam Negeri (KDN) khilaf apabila mengeluarkan arahan pentadbiran melarang penggunaannya ke atas orang bukan Islam pada 5 Disember 1986.

Hal ini kerana, KDN membuat tindakan berlawanan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Mei 1986 membenarkan penganut Kristian menggunakan empat perkataan bahasa Arab, iaitu Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah dalam penerbitan mereka dengan syarat di kulit muka depan penerbitannya ditulis perkataan 'Untuk agama Kristian sahaja'. Mahkamah Tinggi juga memutuskan arahan itu salah di sisi undang-undang dan tidak berperlembagaan.

Sebenarnya, penarikan balik rayuan kes Jill Ireland melalui notis pemberhentian difailkan Jabatan Peguam Negara pada 18 April 2023 adalah untuk memperbetulkan 'kesilapan pentadbiran', iaitu percanggahan arahan KDN terhadap keputusan Jemaah Menteri.

Apakah dengan penarikan balik rayuan itu, ia seolah-olah memberi isyarat penganut agama Kristian boleh sewenang-wenangnya menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan Arab lam dalam penerbitan bahan agama mereka bagi tujuan pembelajaran?

Sebenarnya, Hakim Datuk Nor Bee Ariffin dalam penghakiman semakan kehakiman dimohon Jill Ireland membenarkan pemohon menggunakan kalimah Allah terdapat dalam cakera padat (CD) berjudul *Cara Hidup Dalam Kerajaan Allah, Hidup Benar Dalam Kerajaan Allah dan Ibadah Yang Benar Dalam Kerajaan Allah* dirampas pihak berkuasa ketika ketibaan di Terminal Tambang Murah (LCCT) Sepang pada 11 Mei 2008. Hakim turut membenarkan deklarasi dalam mengamalkan kebebasan beragama dijamin dalam Perlembagaan 3, 8, 11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan.

Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Jill Ireland menggunakan kalimah Allah untuk tujuan pendidikan Kristian. Namun, Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan berhujah ia mesti disertakan penafian 'hanya untuk orang Kristian' dan perlu meletakkan lambang salib di hadapan kulit CD serta buku.

Hakim menekankan Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kesamarataan antara warganegara dengan alasan keagamaan dalam pentadbiran undang-undang. Selain itu, mahkamah juga memutuskan larangan penggunaan tiga perkataan lain, iaitu Baitullah, Kaabah dan solat berlawanan Perlembagaan, menyalahi undang-undang dan tidak rasional. Hal ini kerana penggunaan perkataan ini tidak mengganggu ketenteraman awam.

Ternyata, keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes Jill Ireland dibuat pada 17 Mac 2021 tidak mengeneipkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *The Herald* pada 23 Jun 2014 dengan majoriti 4-3 menolak rayuan *The Herald* mahukan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan bahasa Melayu.

Ini membabitkan rayuan *The Herald* terhadap

keputusan sebulat suara Mahkamah Rayuan pada 14 Oktober 2013 tidak membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh *The Herald - The Catholic Weekly*. Alasan penghakiman antara lain merujuk kedudukan Islam seperti diperuntukkan Perlembagaan 3(1) Perlembagaan Persekutuan mengenai Islam agama Persekutuan dan Perlembagaan 11(4) Perlembagaan Persekutuan mengenai larangan menyebarkan agama bukan Islam kepada orang Islam.

Namun, larangan itu tidak terpakai di Sabah dan Sarawak kerana dari segi amalannya, penggunaan nama Allah dalam kitab Injil sudah lama diterima pakai dan tidak menimbulkan sebarang masalah. Hanya di Semenanjung, larangan ini terpakai. Tambahan pula, tiada enakmen pengawalan agama bukan Islam kepada orang Islam di kedua-dua negeri itu.

Kedudukan Islam seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan 3(1) Perlembagaan Persekutuan bahawa 'Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan' dan peruntukan mengenai kebebasan beragama dalam Perlembagaan 11(1) 'yang berbunyi 'tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.'

Pelihara ketenteraman awam

Justeru, menurut Prof Andrew Harding, di samping melindungi kebebasan beragama, peruntukan dalam Perlembagaan 11 turut membezakan antara mengamalkan dengan mengembangkan agama. Perlembagaan 11(1) memberi kebebasan kepada setiap individu mengamalkan agama anutan, tetapi tidak bersifat mutlak kerana Perlembagaan 11(4) juga memperuntukkan sekatan ke atas kebebasan beragama dari segi pengembangannya. Sekatan ini menurut beliau lebih untuk memelihara ketenteraman awam seperti terkandung dalam Perlembagaan 11(5).

Hakikatnya, Perlembagaan 11(4) membenarkan negeri membuat undang-undang pengawalan agama bukan Islam kepada orang Islam. Dalam Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) memperuntukkan beberapa sekatan menghalang orang bukan Islam daripada menggunakan perkataan tertentu dalam Islam untuk tujuan agama bukan Islam.



Memang jelas, dalam 10 negeri mempunyai Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di kalangan Orang Islam) memperuntukkan dalam Bahagian I Jadual (Seksyen 9) perkataan tidak boleh digunakan berkaitan agama bukan Islam, antara lain kalimah Allah, Baitullah, Kaabah, firman Allah, hadis, Illahi, wahyu dan ibadah yang tersenarai dalam Bahagian I.

Tambahan pula, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 7 Mei 2008 menyatakan kalimah Allah adalah khusus untuk orang Islam dan orang bukan Islam dilarang sama sekali menggunakannya untuk apa-apa tujuan agama mereka.

Merujuk keputusan Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 menegaskan kerajaan menghormati, memperakui dan menerima pakai ketetapan enakmen pengawalan agama bukan Islam yang wujud di 10 negeri dan titah Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari 2023 menzahirkan agar dasar sedia ada mengenai larangan penggunaan kalimah Allah dalam ajaran agama bukan Islam dikekalkan, menunjukkan kedudukan Islam masih terpelihara.

Ini bertepatan ketegasan Perdana Menteri semasa menjawab soalan di Dewan Rakyat, Parlimen, kelmarin, bahawa kerajaan sedang mengkaji bagi meminda atau memansuhkan undang-undang bercanggah dengan titah Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu berkenaan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di Semenanjung dan kelonggaran di Sabah dan Sarawak.

Tambahan pula, atas nasihat Peguam Negara, sekiranya rayuan dibuat KDN atas kesilapan pentadbiran, kemungkinan besar kerajaan akan kalah dan ini akan menunjukkan kelemahan. Justeru, pindaan perlu dibuat terhadap keputusan Jemaah Menteri pada 19 Mei 1986 yang membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam dengan syarat ia hanya untuk tujuan agama berkenaan.

Kerajaan juga perlu menguatkuasakan undang-undang pengawalan agama bukan Islam. Penguatkuasaan terhadap enakmen ini akan sedikit sebanyak merungkai permasalahan larangan dari segi pentadbiran.

Tindakan undang-undang sepatutnya diambil mengikut enakmen ini bagi negeri sudah mempunyai undang-undang berkenaan, termasuk di Selangor dan tidak hanya di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengambil tindakan.

Suatu penyelesaian harmoni, namun tegas perlu dilakukan bagi menyelesaikan penggunaan isu kalimah Allah ini secara tuntas supaya tidak dipolemik dan dipolitikkan lagi. Perjumpaan bersama pihak tertentu, terutama ahli agama boleh dilakukan bagi membincangkannya secara ilmiah.

Perkataan 'Allah' ini amat agung dan suci bagi umat Islam di negara ini, maka apakah sebenarnya dimaksudkan penganut agama lain yang ingin menggunakan nama itu kerana sudah semesti definisinya bagi agama Islam dan agama lain adalah berbeza. Umat Islam percaya 'Allah' bersifat Yang Maha Esa, tidak beranak dan tidak diperanakkan.